



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 27 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,595 kes** (2,347,985 kes kumulatif, 95.9%);
- Kes baharu : **6,148 kes** (2,448,372 kes kumulatif);
- Kes import : **21 kes** (13 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,127 kes** [5,885 warganegara (96.1%); 242 bukan warganegara (3.9%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **563 kes** (495 kes disahkan COVID-19 ; 68 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **292 kes** (211 kes disahkan COVID-19 ; 81 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,744 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,250 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **494 kluster**.

Daripada **6,148 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **101 kes (1.6 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **6,047 kes (98.4 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

27 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 27 OKTOBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Jalan Tasik Selatan Tiga	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	7	32
2	Persiaran Bukit Kiara	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong dan Lembah Pantai	5	100
3	Jalan Raja Muda	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titivangsa dan Cheras	10	26
4	Industri Persiaran Kemajuan	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, dan Petaling	80	223
5	Industri Dua Jalan Sepuluh MIEL	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat dan Sepang	17	34
6	Dah Batu 8	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda dan Yan	65	145
7	Jalan Danau Saujana	Pendidikan Lain	WP Kuala Lumpur	Titivangsa	7	46
8	Jalan Besar Tanjung	Kumpulan Berisiko Tinggi	Perak	Kinta dan Kuala Kangsar	24	82
9	Jalan Kuari	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	12	15

**LAMPIRAN 2**

**NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 26 OKTOBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.02
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.02
<b>MELAKA</b>	0.99
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.96
<b>SELANGOR</b>	0.95
<b>SABAH</b>	0.93
<b>KEDAH</b>	0.90
<b>JOHOR</b>	0.88
<b>TERENGGANU</b>	0.87
<b>PULAU PINANG</b>	0.87
<b>KELANTAN</b>	0.86
<b>PERAK</b>	0.85
<b>SARAWAK</b>	0.84
<b>PAHANG</b>	0.83
<b>PERLIS</b>	0.81
<b>WP LABUAN</b>	0.00
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.91</b>